



LEMBAGA  
LEBUHRAYA  
MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail: Bil (85)dlm.LLM/SM/1-49/1 Jld. 4

### 1) PEGAWAI UNDANG-UNDANG

1. (a) Jawatan : Pegawai Undang-Undang
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
2. Kadar Upah : RM100.00 sehari / Hari Bekerja
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination); dan
- d) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun adalah diutamakan.

4. Taraf Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
5. Tempoh Perkhidmatan : Tiga (3) atau Enam (6) bulan
6. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab menguruskan proses pindaan Akta LLM dan menyiapkan permohonan deraf pewartaan lebuhraya. Selain itu, bertanggungjawab meneliti, menyemak dan memberikan pandangan ke atas laporan hasil kajian dan penyediaan dokumen *Request For Proposal* (RFP) oleh perunding *Multi Lane Free Flow* (MLFF).

## **2) PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (GRED FA29)**

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Gred FA29)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Jadual Gaji : RM72.00 sehari / Hari bekerja
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii) Diploma dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
5. Tempoh Perkhidmatan : 3 Bulan
6. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab mengumpul dan mengemaskini data *Geographical Information System* (GIS) serta melengkapkan dan mengemaskini data spatial bagi sistem-sistem aplikasi teras LLM. Di samping itu, bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja cerapan data X,Y koordinat aset lebuhraya, melaksanakan kerja-kerja migrasi data dan membangunkan aplikasi paparan data GIS untuk paparan iklan.

### **3) PEMBANTU AKAUNTAN (GRED W19)**

1. (a) Jawatan : Pembantu Akauntan (Gred W19)  
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 1,353.00 – RM 4,005.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); atau

- v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); dan

- d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap

5. Fungsi Bidang Tugas :

Menjalankan tugas-tugas kewangan dan perakaunan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **12 Februari 2018 (Isnin) hingga 25 Februari 2018 (Ahad)**.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 Februari 2018 (Isnin)**.

## **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

## **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.